

07/03/1997

10,926 pemilih tentukan masa depan Bukit Begunan

Misiah Taib

SERAMAI 10,926 pemilih berdaftar bakal menjadi penentu kepada masa depan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Begunan, apabila mereka menjalankan kewajipan sebagai pengundi pada 15 dan 16 Mac ini.

Pilihan raya kecil yang ke-19 dalam sejarah pilihan raya di Sarawak ini perlu diadakan berikutan keputusan Mahkamah Tinggi, Kuching pada 13 Februari lalu yang mengisytiharkan pilihan raya kawasan berkenaan pada pilihan raya umum 7 dan 8 September 1996 sebagai tidak sah dan batal.

Namun, Hakim Ian Chin yang membuat keputusan itu juga mengesahkan calon Barisan Nasional (BN), Mong anak Dagang, selaku responden kes itu masih boleh bertanding kerana mahkamah mendapati tidak ada bukti untuk mengaitkan beliau dengan perbelanjaan secara berlebihan dalam pilihan raya kawasan berkenaan.

Dalam pilihan raya umum tahun lalu, Mong mengalahkan pencabar tunggalnya, Donald anak Lawan (Bebas) dengan 2,165 undi. Mong mendapat 4,891 undi, berbanding Donald yang mendapat 2,726 undi.

Pilihan raya kecil kali ini adalah yang pertama diadakan kerana keputusan Mahkamah Tinggi terhadap petisən pilihan raya.

Semua 18 pilihan raya kecil sebelum ini diadakan sama ada berikutan peletakan jawatan atau kematian penyandanginya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mahu agar semua pihak menjadikan keputusan mahkamah itu sebagai iktibar bersama, kerana parti pemerintah sendiri mengharamkan amalan politik wang.

Beliau juga menganggap keputusan (mahkamah) itu sebagai satu amaran kepada semua pihak agar jangan menggunakan wang, sambil berkata, BN tidak mengizinkan penggunaan wang walaupun dalam parti itu sendiri.

Di peringkat BN Sarawak, Pengarah Operasi BN bagi pilihan raya kecil Bukit Begunan, Dublin Unting anak Ingkot, sendiri turun padang untuk memberi penjelasan kepada pengundi di kawasan berkenaan mengenai bahaya politik wang.

Dublin yang juga Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri melawat semua kampung dan rumah panjang di kawasan berkenaan bagi memberi penjelasan mengenai keputusan mahkamah dan meminta pengundi agar tidak terbabit dalam politik wang.

Beliau menasihatkan pengundi agar tidak menerima rasuah dalam pilihan raya kecil kali ini serta memberi penerangan mengenai padah yang akan mereka alami jika menerima wang rasuah.

Berikutan keputusan Mahkamah Tinggi itu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan semalam (5 Mac) sebagai tarikh penamaan calon dan 15 serta 16 Mac ini sebagai tarikh pengundian.

Pada hari penamaan calon semalam (5 Mac lalu), BN mencalonkan semula Mong, 41, dan pencabar tunggalnya ialah calon Bebas, Jack Bujang, 56, yang memang sudah awal-awal lagi membuat kenyataan akhbar mengesahkan beliau akan bertanding.

(END)